

Peranan Tulisan Jawi Dalam Penulisan Hadith Di Nusantara

Siti Zahidah Kosran¹, Latifah Abdul Majid² & Ahamad Asmadi Sakat³

Email: ¹zahidahukm@gmail.com, ²umilm@ukm.edu.my, ³aas@ukm.edu.my

¹Calon Sarjana di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

^{2&3}Prof. Madya di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

Abstrak

Hadith terus berkembang hingga ke Nusantara. Namun ia telah melalui suatu proses perkembangan yang panjang. Kedatangan hadith bermula seiring dengan kemasukan Islam untuk menggantikan kepercayaan Hindu-Buddha. Manakala, tulisan Jawi mula diperkenalkan untuk menggantikan tulisan Jawa Kuno dan Palava. Tulisan ini semakin tersebar penggunaannya sehingga muncul kitab-kitab Jawi. Oleh itu, kajian ini mempunyai signifikan yang tinggi. Pertama, untuk mengenal pasti sejauh mana tulisan Jawi memberi kesan terhadap aktiviti penulisan hadith. Kedua, mengetengahkan karya-karya terjemahan hadith dalam tulisan Jawi yang dihasilkan oleh para ulama Nusantara. Kaedah analisis kandungan terhadap beberapa dokumen yang berkaitan telah digunakan bagi mendapatkan data dan dianalisis secara persejarahan. Kajian mendapati tulisan Jawi dalam aktiviti penulisan hadith di Nusantara adalah sebagai bahasa ilmu dan alat terjemahan hadith-hadith. Tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam penghasilan kitab-kitab terjemahan Bahasa Arab ke Bahasa Melayu. Ia memudahkan masyarakat yang tidak memahami Bahasa Arab untuk memahami ajaran agama melalui pembacaan.

Kata kunci: Nusantara, Tulisan Jawi, bahasa ilmu, terjemahan, penulisan hadith.

Abstract

The Hadith sciences emerged into the Malay Archipelago and it has gone through a long process of development. The establishment of the hadith sciences along with the emergence of Islam that replace the Hindu-Buddhist beliefs. Meanwhile, Jawi scripts were introduced to replace the Old Javanese and Palava scripts. Hence, this study has significant. Firstly, to identify the extent that which the Jawi scripts affect the writing of the hadiths. Secondly, to emphasize the translation works of the Jawi scripts were produced by the Malay Archipelago's scholars. Content analysis method is applied in several related documents as well as historical method. The result demonstrates that the role of Jawi writing in the writing activities of the hadith in the Malay Archipelago dominated as a language science and a tool in translation of hadiths. Apparently, Jawi's writing plays an important role in the production of Arabic translation books into Malay. It facilitates people who do not understand Arabic to understand the teachings of religion.

Keywords: Malay Archipelago, Jawi writing, language science, translation, hadith sciences.

1. Pengenalan

Nusantara merupakan satu perkataan yang telah lama digunakan bagi menggambarkan satu rumpun bangsa yang terdapat di Kepulauan Melayu yang terdiri daripada beberapa buah negara iaitu Indonesia, Selatan Thailand, Selatan Filipina, Brunei, Singapura dan Malaysia (Mazlan Ibrahim, Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid 2012). Nusantara pada masa dahulu telah dipengaruhi anutan Hindu-Buddha, kemudian barulah Islam masuk. Namun tarikh tepat dan sumber kemasukannya sukar ditentukan. Kemasukan Islam berjaya mengubah dimensi pemikiran dan ketamadunan masyarakat. Muncul pusat-pusat pengajian yang dijalankan oleh para ulama dan terdapat pelbagai ilmu yang diajar seperti ilmu tauhid, fiqh dan tasawuf. Kemudian barulah muncul ilmu hadith secara khusus. Begitu juga dari aspek penulisan, ilmu hadith berkembang agak perlahan berbanding ilmu-ilmu yang lain.

Situasi ini menggambarkan penulisan hadith telah melalui beberapa peringkat perkembangan bermula dengan kemasukan Islam ke Nusantara membawa bersama-sama pengenalan tulisan Jawi. Tulisan Jawi ini diadaptasi dari abjad-abjad tulisan Arab dan mula digunakan sejak kedatangan Islam ke Nusantara sekitar kurun ke-17M dan ke-18M. Tulisan ini berjaya menggantikan tulisan Jawa Kuno dan Palava.

Kemudian lahir para ulama yang bersungguh-sungguh mendirikan pusat pengajian dan akhirnya cenderung untuk menghasilkan penulisan agar ilmu dapat disimpan dan dimanfaatkan oleh masyarakat. Proses penulisan hadith mula dikesan pada kurun ke-17M dengan kemunculan kitab-kitab terjemahan bertulisan Jawi. Kemudian semakin rancak kelahiran penulisan hadith berserta tokoh-tokohnya hebat.

Kajian ini mempunyai signifikan yang tinggi untuk mengenal pasti sejauh mana tulisan Jawi memberi kesan terhadap aktiviti penulisan hadith. Sekali gus mengetahui perkembangan penulisan hadith yang berbentuk terjemahan dalam tulisan Jawi agar masyarakat kembali cakna terhadap penghasilan kitab hadith yang amat berguna sebagai panduan kehidupan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Pengumpulan data melibatkan kaedah analisis kandungan iaitu dengan mengenal pasti sumber daripada beberapa dokumen seperti buku, ensiklopedia, artikel dan jurnal yang berkaitan tentang peranan tulisan Jawi dalam penulisan hadith. Rujukan seperti Fauzi Deraman (1998) dalam tulisan *Karya-karya Hadith Dalam Tulisan Jawi* dan Mohd Alwee Yusoff (1998) melalui tulisannya, *Pengaruh Islam Terhadap Teks Melayu Dan Undang-Undang Melayu* memberi data penting tentang peranan tulisan Jawi dalam proses penghasilan kitab-kitab hadith. Manakala, metode penganalisan data dengan kaedah persejarahan yang menelusuri sejarah penggunaan tulisan Jawi dalam penulisan hadith di Nusantara yang dihasilkan oleh para ulama.

2. Peranan Tulisan Jawi dalam Penulisan Hadith

Kemasukan Islam ke Nusantara menjadi titik tolak kepada pengenalan tulisan Jawi sehingga ia memainkan peranan penting dalam beberapa perkara dalam kehidupan masyarakat. Antara perannya adalah sebagai bahasa ilmu sehingga mampu mempengaruhi kebudayaan keilmuan dan pemikiran masyarakat. Tulisan Jawi yang menjadi bahasa ilmu ini semakin meluas penggunaannya hingga melibatkan penulisan terjemahan hadith. Justeru itu, tulisan Jawi ternyata terlibat secara langsung dalam keilmuan dan penulisan hadith di Nusantara.

i. Bahasa Ilmu

Melihat kepada penyebaran agama di Nusantara, pada awalnya ia diterima daripada pendakwah-pendakwah luar yang datang berinteraksi dengan masyarakat Nusantara. Setelah agama ini disambut baik oleh para ulama tempatan, maka mereka terlibat secara langsung dalam meneruskan dakwah. Namun dari segi penulisan ilmu-ilmu agama di dalam bahasa Melayu kelihatan agak terkebelakang. Hal ini kerana masalah bahasa yang dihadapi oleh ulama-ulama luar dan juga ketiadaan ulama tempatan yang benar-benar mahir dalam bidang agama. Setelah sekian lama, barulah muncul ulama-ulama yang menyahut kepentingan penulisan atau terjemahan untuk memudahkan kefahaman agama (Mahayudin 1994).

Sepertimana kalam Allah SWT di dalam surah al-^oAlaq, ayat 4 berkenaan peranan pena dalam mengajar manusia tentang ilmu penulisan telah menyeru para ulama memanfaatkan keilmuan yang dimiliki oleh mereka untuk diterjemahkan dalam penulisan. Kesannya, wujud penghasilan karya-karya Islam dalam pelbagai bidang. Islam mempengaruhi pemikiran dan kebudayaan orang Melayu termasuklah aspek bahasa dan sastera. Ramai sarjana yang menyatakan impak Islam kepada masyarakat.

Mohd Alwee Yusoff (1998) mengatakan agama masuk ke dalam kehidupan masyarakat melalui bahasa dan sastera dengan menggunakan tulisan jawi. Islam memperkenalkan penggunaan abjad tulisan Arab menjadi abjad tulisan Melayu yang dikenali sebagai tulisan Jawi. Sebelum kedatangan Islam, rantau Alam Melayu tiada bahasa perantaraan yang rasmi. Namun situasi ini berubah apabila Bahasa Melayu berjaya mengatasi bahasa Jawa Kuno dengan kemunculan tulisan Jawi.

Perubahan dan perkembangan ini dapat diterima oleh majoriti masyarakat Melayu. Antara sarjana lain yang menyokong keterangan ini ialah Fauzi Deraman (1998) dengan menambah peranan tulisan Jawi dalam penulisan hadith iaitu membawa Bahasa Melayu dengan skrip Jawi menjadi bahasa Islam di Kepulauan Melayu dan bahasa ilmu. Salah satu buktinya adalah penggunaan tulisan Jawi dalam karya-karya Islam dalam pelbagai bidang ilmu yang dikenali sebagai Kitab Jawi.

Kitab Jawi yang menggunakan tulisan Jawi dalam penulisan isi kandungannya masyhur kerana tulisan ini mempunyai abjad tulisan yang unik. Ia diadaptasi daripada abjad-abjad Arab yang diguna pakai menjadi abjad bahasa Melayu. Penggunaannya seiring dengan kemasukan Islam ke Nusantara sekitar kurun ke-7M dan ke-8M. Sebelumnya, masyarakat menggunakan tulisan Palava seperti yang ditemui di prasasti-prasasti di Kedukan Bukit (17H/638M), Talang Tuwo (65H/684M), Kota Kapur (67H/686M) dan di Kerang

Brahi (67H/686M). Merujuk *Sejarah Melayu*, tulisan Jawi bermula seiring dengan kelahiran beberapa buah kerajaan Melayu-Islam silam. Buktinya melalui makam-makam diraja Melayu-Islam di Pasai, Aceh Besar, Daya dan Geresik (Jaya) yang menggunakan batu nisan dari batu pualam bertulis abjad-abjad Arab (Mohd Alwee Yusoff 1998).

Pengaruh dan peranan tulisan Jawi ini menunjukkan bahawa Islam berjaya mendominasi kehidupan masyarakat awam secara global dari segi bahasa yang sebelum itu berada di bawah pengaruh Hindu-Buddha. Situasi ini membuktikan bahawa Islam mudah diterima dan diamalkan oleh semua bangsa dan budaya tidak mengira tempat dan masa. Hal ini kerana, ia juga berlaku ke atas tulisan Turkey Uthmani, Parsi dan Urdu yang menggunakan abjad Arab, walaupun bahasanya bukan bahasa Arab (Wan Suhaimi 2005).

Pengaruh Islam melalui tulisan Jawi ini perlu dihargai dengan mengetahui peranannya kepada umat Islam. Ia dimanfaatkan dengan menjadikannya sebagai bahasa ilmu sekali gus menggantikan tulisan Jawa Kuno dan Palava. Tulisan ini menjadi alat keilmuan dan pembentukan tamadun yang berilmu dan membangun. Oleh itu, perlu meneliti penulisan-penulisan hadith yang menggunakan tulisan Jawi dan melihat sejauh mana ia membantu penyebaran hadith.

ii. Terjemahan hadith

Islam yang datang bersama-sama para ulama telah berjaya membawa Nusantara ke tahap kepesatan ilmu-ilmu Islam seperti tauhid, fiqah dan tasawuf dan ketiga-tiga ilmu ini ternyata mendahului ilmu hadith. Namun ini tidak bermakna ilmu hadith ketinggalan dan ditelan zaman. Hadith tetap berkembang dalam kalangan masyarakat walaupun dengan tempo yang agak perlahan berbanding ilmu-ilmu lain. Maka wajarlah penulisan berkaitan tauhid, fiqah dan tasawuf lebih mendominasi karya-karya para ulama. Namun mereka tidak meninggalkan hadith sebagai hujah dalam perbahasan tauhid, fiqah dan tasawuf (Mazlan Ibrahim et al. 2012; Fauzi Deraman, Ishak Suliaman & Faisal Ahmad Shah 2010). Pengkaji percaya kecenderungan para ulama untuk menulis adalah berdasarkan keperluan masyarakat pada sesuatu masa.

Mazlan Ibrahim et al. (2012) mengakui setelah kepesatan ilmu tauhid, fiqah dan tasawuf, ilmu hadith tampil dengan karya-karyanya yang tersendiri. Penulisan khusus tentang hadith dikatakan telah bermula pada kurun ke-17M dengan penghasilan karya-karya berbentuk terjemahan daripada Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu dengan tulisan jawi, pengumpulan hadith secara umum dan huraian ringkas kepada maksud hadith. Karya terdahulu bukan hanya mengumpulkan hadith sahih sahaja, tetapi turut memuatkan hadith-hadith daif dan *athar* para sahabat dan tabiin.

Pengkaryaan hadith pada kurun ke-17M masih diteruskan pada kurun ke-19M dan 20M dengan membawa penulisan hadith ke tahap dimensi baru. Hal ini kerana para ulama Nusantara mula beralih perhatian kepada disiplin-disiplin ilmu hadith. Mereka aktif dalam menghasilkan karya-karya bernilai dalam bidang hadis sama ada karya asli mahupun karya terjemahan dan syarahan kepada kitab-kitab berbahasa Arab. Usaha para ulama hadith di Nusantara ini untuk memudahkan masyarakat memahami kitab-kitab hadith yang ditulis oleh ulama bukan Melayu yang datang dari negara lain seperti ulama Timur Tengah (Mazlan Ibrahim et al. 2012).

Kitab-kitab hadith yang datang dari Timur Tengah bertulis di dalam bahasa Arab, maka timbul kesukaran bagi masyarakat Nusantara untuk memahami isi kandungannya. Oleh itu, para ulama berasa terpenggil untuk memberi terjemahan terhadap kitab-kitab tersebut. Tidak hairanlah sebahagian besar karya ulama merupakan penulisan terjemahan daripada karya Arab. Malah sepanjang proses penterjemahan ternyata ada beberapa unsur yang mempengaruhi cara penulisan para ulama. Antaranya, mereka banyak menggunakan terminologi dalam bahasa Arab terutama perkataan yang tiada terjemahan dalam bahasa Melayu (Rosni Wazir 2014). Walaupun para ulama lebih cenderung untuk menghasilkan karya terjemahan terhadap karya berbahasa Arab, ini tidak bermakna tiada penulisan karya asli. Terdapat juga penulisan berbentuk karya asli di dalam bahasa Arab, tetapi dalam kuantiti yang sedikit (Mahayudin 1994). Situasi ini menunjukkan para ulama memahami keperluan masyarakat yang tidak memahami bahasa Arab. Maka usaha-usaha penterjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu dilakukan dengan menggunakan tulisan Jawi.

3. Karya-karya Terjemahan Hadith dalam Tulisan Jawi Di Nusantara

Dalam memerhati perkembangan penulisan hadith di Nusantara, ternyata ramai sarjana yang memberi perhatian dengan mengumpulkan senarai penuh penulisan-penulisan hadith termasuklah tokoh-tokohnya.

Antaranya adalah sarjana Mazlan Ibrahim et al. (2012), Najahudin Lateh dan Siti Noorbiah Md Rejab (2013), Fauzi Deraman (1998), Anwar Ridwan Zakaria dan Fauzi Deraman (2007), Shukri Ahmad (2001), Mohd Farid Ravi Abdullah dan Haziyah Hussin (2012), Mohd Farid Ravi Abdullah (2011) dan ramai lagi sarjana. Ada dalam kalangan sarjana ini yang menumpukan perbincangan tentang penulisan hadith berbentuk terjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu dengan tulisan Jawi.

Sepanjang proses penelitian, kurun ke-17M merupakan permulaan penulisan hadith dengan melihat kepada penulisan Nur al-Din al-Raniri (1068H/1658M) berjudul *Hidayah al-Habib fi al-Tarhib wa al-Tarhib*. Namun ini bukan kitab pertama terjemahan bertulisan Jawi yang dihasilkan di Nusantara. Karya terjemahan pertama adalah kitab *Sharh al-Latif^{ala} Arbaⁱⁿ Hadith li al-Imam al-Nawawi* oleh Abd al-Rauf al-Fansuri (1105M/1693M). Kitab ini merupakan terjemahan kepada *Sharh al-Nawawi* oleh al-Taftazani. Penulisan terjemahan berdasarkan *Hadith Empat Puluh* menjadi masyhur dalam kalangan ulama selepasnya. Muncul ulama-ulama hadith yang mengikut jejak beliau. Antaranya adalah kitab *Hidayat al-Mukhtar* oleh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fatani yang menterjemah kitab asal Khatib al-Mundhiri. Pauzi bin Haji Awang juga menulis kitab *Hadith Empat Puluh* sebanyak dua jilid hasil terjemahan dan mempunyai ulasan ringkas (Fauzi Deraman 1998).

Abdullah bin Abd al-Mubin al-Fatani telah menghasilkan *Tanbih al-Ghafilin* pada 1184H/1171M. Karya ini merupakan terjemahan kepada karya Abu al-Layth al-Samarqandi (Fauzi Deraman 1998). Manakala, *Al-Jawhar al-Mawhub wa Munabbihat al-Qulub* oleh Wan Ali Kutan bin Abd al-Rahman Kutan al-Kalantani. Ia mengandungi terjemahan dan syarahan kepada kitab *Lubab al-Hadith* karya Jalal al-Din al-Suyuti (911H/1506M) (Fauzi Deraman, Ishak Suliaman & Faisal Ahmad Shah 2010).

Daud al-Fatani turut menghasilkan kitab berjudul *Kasf al-Ghummah fi Ahwal al-Mawta fi al-Barzakh wa al-Qiyamah*. Kitab ini terjemahan bagi kitab *Syarh al-Sudur bi Syarh Hal al-Mawta wa al-Qubur* karangan al-Allamah Jalal al-Din al-Suyuti (911H/1506M) dan *Mukhtasar Tadhkirah al-Qurtubi* oleh Abd al-Wahhab al-Sya'rani. Karya hadith beliau seterusnya adalah *Fara^{id} at-Fawa^{id} al-Fikr fl al-Imam al-Mahdi*. Karya ini adalah terjemahan dari karya guru beliau bernama Mar^{ci} bin Yusuf yang menceritakan tentang Imam al-Mahdi. Karya ini masih dalam bentuk manuskrip (Fauzi Deraman 1998).

Sekurang-kurangnya terdapat dua buah kitab hadis yang ditulis oleh Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin iaitu kitab *Lubab al-Hadith* dan *Misbah al-Zalam wa Bahjah al-Anam*. Kitab *Lubab al-Hadith* merupakan himpunan hadis hadis dalam masalah fikah dan tasawuf. Manakala kitab *Misbah al-Zalam wa Bahjah al-Anam* adalah himpunan hadis Qudsi dan Nabawi yang kebanyakan hadith diambil daripada karangan ^{Abd al-Ra^{uf} al-Sannawi} berjudul *Kitab Fath al-Kabir, al-Jami' al-Saghir* karangan Jalal al-Din al-Suyuti dan kitab *Riyad al-Salihin* karangan al-Nawawi. Kedua-dua kitab ini merupakan karya-karya jawi bersifat bahasa Melayu terjemahan Arab (Shukri Ahmad 2001).

Usaha pemilihan hadith, kemudian diterjemahkan dan disyarah juga dijalankan agar mudah difahami oleh masyarakat. *Mastika Hadith Rasulullah* disempurnakan pada 1392H/1973M oleh Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih bersama-sama Datuk Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim dan Tuan Haji Ismail bin Haji Yusuf. Kitab ini hasil permintaan Perdana Menteri Malaysia. Jilid pertama berfokus terhadap hadith-hadith tentang iman. Jilid kedua pula membincangkan hadith-hadith solat. Jilid ketiga berkenaan hadith-hadith ibadat puasa, zakat dan sedekah (Mohd Farid Ravi Abdullah & Haziyah Hussin 2012; Mohd Farid Ravi Abdullah 2011).

Asasnya, penulisan-penulisan hadith oleh para ulama cenderung untuk memberi pendedahan awal kepada masyarakat akan ajaran agama Islam khususnya berkaitan prinsip-prinsip asas Islam (Fauzi Deraman et al. 2010). Tujuan ini dapat dicapai melalui tulisan-tulisan yang dinyatakan kerana melalui karya terjemahan dari kitab hadith berbahasa Arab ke bahasa Melayu dengan tulisan Jawi, hadith dapat difahami dan diterima oleh masyarakat awam sekali gus mudah memahami ilmu agama. Hakikatnya, lebih banyak penulisan hadith berkonsepkan terjemahan yang menggunakan tulisan Jawi yang perlu diketengahkan. Namun penulisan-penulisan di atas sudah cukup menjadi bukti bahawa tulisan Jawi mampu memainkan peranan penting sebagai medium penyebaran ilmu. Penggunaannya di dalam kitab-kitab terjemahan memudahkan umat Islam di Nusantara memahami hadith-hadith Nabi.

4. Kesimpulan

Hadith menjadi perkara kedua terpenting sebagai panduan kehidupan umat Islam. Ia dipelihara sejak zaman Nabi Muhammad SAW, sahabat, tabiin, tabi' tabiin dan para ulama seterusnya. Para ulama di Nusantara tidak

ketinggalan dalam proses pemeliharaan khazanah berharga ini. Kemasukan Islam ke Nusantara telah menyeru para ulama dalam proses tarbiyah masyarakat dengan hadith-hadith. Kedatangan Islam membawa impak tinggi kepada dunia keilmuan apabila tulisan Jawi mula diperkenalkan. Sehingga membawa kepada perkembangan penulisan hadith. Pada awalnya, para ulama ini kebanyakannya menggunakan bahan mengajar seperti kitab *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Riyad al-Salihin* dan *Bulugh al-Maram*. Namun lama kelamaan, para ulama turut memandang berat akan kepentingan penulisan yang mengikat sesuatu ilmu. Penulisan-penulisan hadith para ulama tersemat dan diwarisi hingga kini. Penulisan-penulisan hadith terjemahan bertulisan Jawi yang membantu memudahkan lagi proses keilmuan dan pembentukan pemikiran Islam dalam kalangan masyarakat. Jelas di sini bahawa tulisan Jawi berjaya menjadi bahasa ilmu dan sebagai alat terjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad. 2009. *Tafsir al-Qurthubi Juz 'amma*. Penerjemah, Fathurrahman, Ahmad Hotib, Nashirul Haq. Jakarta : Pustaka Azzam.

Fauzi Deraman. 1998. Karya-karya hadith dalam tulisan jawi. *Jurnal Usuluddin* 7(7): 163-174.

Fauzi Deraman, Ishak Hj Suliaman & Faisal Ahmad Shah. 2010. *Pengajian Hadith Di Malaysia: Tokoh-Karya-Institusi*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mahayudin Hj. Yahaya. 1994. *Naskhah Jawi Sejarah Dan Teks*. Jilid 1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahayudin Hj. Yahaya. 1998. *Islam Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mazlan Ibrahim, Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid. 2012. *Warisan Hadis Ulama Nusantara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Farid Ravi Abdullah. 2011. Syeikh Abdullah Basmeih bin Muhammad Basmeih: Kajian Terhadap Mastika. *Jurnal Hadis* 1(1): 65-85.

Mohd Farid Ravi Abdullah & Haziyah Hussin. 2012. Syeikh Abdullah Basmeih Muhammad Basmeih (1913-1966) dan Kitab Mastika Hadis. Dlm. Mazlan Ibrahim, Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid (pnyt.). *Warisan Hadis Ulama Nusantara*, 141-155. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Alwee Yusoff. 1998. Pengaruh Islam terhadap teks Melayu dan undang-undang Melayu. *Jurnal Syariah* 6(1): 97-108.

Najahudin Lateh & Siti Noorbiah Md Rejab. 2013. Penghasilan Karya Hadith Dalam Tulisan Jawi: Tumpuan Kepada Sumbangan Ulama Acheh Dalam Manuskrip MS 1042 dan MSS 2068. Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, hlm. 157-170.

Rosni Wazir. 2014. Sorotan terhadap perkembangan karya-karya Islam dan hadis di Nusantara. Kertas Kerja Seminar Serantau Peradaban dan Pemikiran Islam (RECIT 2014). Anjuran Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kuala Lumpur, 27-28 Oktober.

Shukri Ahmad. 2001. Pendekatan karya ulama tradisional di Kedah: Tumpuan kepada karya-karya jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin Hanafiah Taib al-Qadhi (1908-1998M), *Jurnal Usuluddin* 13(13): 95-114.

Wan Suhaimi Wan Abdullah. 2005. Kajian Manuskrip Al-Mu'tabar fi al-Hikmah (Kitab al-Nafs) Karangan Abū Barakāt al-Baghdadī (547H/1152M): Ke Arah Suatu Kaedah Suntingan Ilmiah Warisan Manuskrip Melayu-Islam. *Jurnal Afkar* 6(6): 273-304.